

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30/07/2017E

# Dr. Mahathir gagal perjuangkan bangsa

**KUALA SELANGOR 29 Julai** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad gagal membantu orang Melayu berada lebih tinggi dengan bangsa lain walaupun di tanah air sendiri.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman, mereka yang kaya adalah terdiri daripada bangsa lain yang kebanyakannya 'dibantu' oleh Dr. Mahathir sehingga tersenarai dalam carta orang terkaya di Malaysia.

"Walaupun sudah berpuluh tahun, mereka masih tersenarai sebagai orang terkaya di Malaysia seperti Tan Sri Ananda Krishnan, Tan Sri Jeffrey Cheah dan ramai lagi tetapi tiada seorang pun orang Melayu.

"Memang benar, Dr. Mahathir



**TAJUDDIN ABDUL RAHMAN** menerima memorandum bantahan selepas Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Kawasan Gombak dan Petaling di Kuala Selangor, semalam. - GAMBAR/AMIR HAFIZ ABD RAHMAN

membangunkan Malaysia, namun beliau gagal untuk membangunkan Melayu. Siapa lagi yang akan

menolong bangsa kita jika bukan kita sendiri?" katanya ketika merasmikan Mesyuarat Agung Ta-

hunan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Gombak dan Petaling di sini hari ini.

Yang turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri Kuang, Datuk Abdul Shukur Idrus dan Pengarah PPK Gombak dan Petaling, Datuk Ahmad Bhari Abdul Rahman

Tajuddin berkata, perjuangan mempertahankan Melayu semasa zaman pemerintahannya dahulu juga dilihat gagal apabila dia sendiri ditahan bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) oleh Dr. Mahathir pada tahun 1987.

Menurutnya, Pemuda UMNO ketika itu berjuang menegakkan bangsa Melayu apabila diperlekehkan oleh parti komponen Barisan Nasional dengan memberi gelaran 'Melayu juga pendatang'.

Um - 30/7/2017 pg 14